

# مقالة الدعوة


## MAKALAH DAKWAH

Masjid Abidin(Masjid Negeri)  
Jalan Masjid, 20100 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.  
No. Telefon: 09-6231771 No. Fax: 09-6221690  
Website: www.masjidabidin.org.my



مسجد جامعة الأمة  
Masjid Universiti Rakyat

Bil.1 : 9 September 2011 : 11 Syawal 1432 : PERCUMA



### KHATAM AL QURAN: ANTARA ADAB DAN FADILAT

Oleh: Ustaz Wan Mohd Hazim Bin Wan Mohd Hashim

Imam Eksekutif 3,

Masjid Abidin (Masjid Negeri), Terengganu Darul Iman

Khatam Al Quran bermaksud menghabiskan pembacaan Al Quran bermula daripada Surah Al Fatihah hingga Surah An Nas dalam masa tertentu. Selaku yang bergelar muslim, kita digalakkan oleh junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w untuk sentiasa berusaha mengkhataam Al Quran berulang kali dalam rutin kehidupan seharian.

Jika disilau kembali kisah para sahabat Nabi s.a.w dan juga para salihin terdahulu, mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengkhataam Al Quran. Diriwatikan ada diantara mereka yang dapat mengkhataamkan Al Quran sebanyak sekali sebulan. Ada juga yang berjaya mengkhataamkan Al Quran dalam masa sekali seminggu. Dan lebih hebat lagi ada juga yang dapat mengkhataamkan Al Quran setiap hari di dalam solat mereka.

### ADAB KHATAM AL QURAN

Dalam keghairahan kita berusaha mengkhataamkan Al Quran, di sana terdapat adab-adab yang perlu diberi perhatian supaya tatacara pembacaan Al Quran kita menepati kehendak sunnah Nabi s.a.w. Di sini disenaraikan beberapa adab untuk dijadikan panduan kita dalam mengkhataamkan Al Quran:

- 1- Memilih waktu yang sesuai untuk mengkhataamkan Al Quran.
  - Jika pengkhataaman Al Quran dilakukan di dalam solat maka waktu yang afdal adalah pada solat Subuh.
  - Jika pengkhataaman Al Quran dilakukan di luar solat maka waktu yang afdal adalah di awal pagi ataupun di awal malam.
- 2- Disunatkan berpuasa pada hari mengkhataamkan Al Quran melainkan pada hari yang ditegah berpuasa seperti hari raya, hari tasyriq dan hari syak.
- 3- Disunatkan mengucapkan takbir bermula surah Ad Duha sehingga surah An Nas.
  - Lafaz takbir adalah seperti berikut: اللهُ أَكْبَرُ
  - Ada setengah ulama menambah takbir beserta tahlil seperti berikut: لا إله إلا الله والله أكبر
  - Ada juga ulama menambah takbir beserta tahlil dan tahmid seperti berikut: لا إله إلا الله والله أكبر والله الحمد
- 4- Selepas selesai membaca surah An Nas disunatkan membaca surah Al Fatihah dan diikuti awal surah Al Baqarah sebanyak lima ayat.
- 5- Disunatkan berdoa selepas selesai mengkhataamkan pembacaan Al Quran.

## FADILAT KHATAM AL QURAN

Setiap perbuatan yang dikerjakan pasti ada balasan kepada pelakunya. Begitu juga halnya bagi sesiapa yang berjaya mengkhataamkan Al Quran, Allah s.w.t akan membalas mereka dengan ganjaran yang begitu lumayan baik di dunia mahupun akhirat. Antara fadilat atau ganjaran yang akan diterima oleh sesiapa yang mengkhataamkan Al Quran dan sesiapa yang berada di dalam majlis khatam Al Quran berkenaan adalah seperti berikut:

- Mendapat ketenangan hati dan jiwa:  
Daripada Abi Hurairah r.a, Nabi s.a.w bersabda: “ Tidaklah berhimpun satu kaum itu di dalam rumah Allah yang mana mereka membaca Al Quran dan bertadarus di antara mereka melainkan turun kepada mereka itu ketenangan serta kerahmatan daripada Allah s.w.t...”
- Mendapat rahmat daripada Allah s.w.t:  
Diriwayatkan daripada Mujahid katanya: “Sesungguhnya mereka (sahabat-sahabat Nabi s.a.w) berkumpul ketika majlis khatam Al Quran dan mereka berkata: Sesungguhnya telah turun rahmat Allah.”
- Doa di aminkan oleh malaikat:  
Diriwayatkan daripada Hamid Al A’raj katanya: “ Sesiapa yang membaca Al Quran kemudian berdo’a, maka sebanyak 4000 malaikat akan mengaminkan doanya.”
- Waktu doa dimustajab (diperkenan):  
Diriwayatkan daripada Hikam Bin ‘Utaibah katanya: “...sesungguhnya doa dimustajabkan (diperkenankan) ketika majlis khatam Al Quran.”
- Dijanjikan pohon di dalam syurga:  
Diriwayatkan daripada Anas r.a, Nabi s.a.w bersabda: “Ketika majlis khatam Al Quran itu doa dimustajabkan serta disediakan sebatang pohon di dalam syurga (bagi sesiapa yang menghadiri majlis tersebut).”

Semoga dengan perkongsian ringkas ini akan memberi suntikan semangat kepada kita untuk lebih berusaha mengkhataamkan Al Quran dalam kehidupan seharian. Carilah kesempatan untuk membaca Al Quran sehingga khatam walau sesibuk mana pun kita dengan urusan dunia supaya urusan akhirat yang lebih besar ini tidak keciciran di kemudian hari nanti.

### Ω Rujukan:

- At Tibyan Fi Adab Hamalatul Quran: Al Imam Al Hafiz Syeikhul Islam Mahyuddin Abi Zakaria Syaraf An Nawawi
- Sirajul Qari: Syeikh Muhammad Saleh Bin Zainal Abidin Bin Muhammad Al Fatoni

#### MAKLUMAN!

Maqalah Dakwah adalah suatu penulisan ringkas berbentuk ilmiah yang diterbitkan dua minggu sekali di bawah Unit Dakwah & Informasi, Masjid Abidin (Masjid Negeri), Terengganu Darul Iman. Maqalah Dakwah boleh didapati pada setiap hari Jumaat minggu pertama dan ketiga setiap bulan mengikut kalendar Masehi di dewan solat muslimin dan muslimat. Sebarang teguran daripada muslimin dan muslimat amatlah dialu-alukan bagi menambah baik pengurusan pengimarahannya masjid.